



Sun Life

Sun Life Malaysia Takaful Berhad
Registration Number: 200501012215 (689263-M)

Level 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur
Telephone: (603) 2612 3600 wecare@sunlifemalaysia.com
Client Careline: 1300-88-5055 sunlifemalaysia.com

Disediakan untuk: <Nama orang yang dilindungi>

<Tarikh>

DOKUMEN KETERANGAN PRODUK: SUN eSSENTIAL-i -INI ADALAH PRODUK TAKAFUL

(Sila baca dokumen keterangan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai dalam pelan takaful Sun eSsential-i. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Sun eSsential-i adalah pelan takaful bertempoh pembaharuan tahunan dengan perkongsian lebihan yang memberi perlindungan sehingga umur 80 tahun. Ia menawarkan bayaran manfaat secara sekali gus sekiranya berlaku kematian/hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat semua/segala sebab.

Selain itu, ia menawarkan perlindungan tambahan sekiranya berlaku kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu. Penyakit berjangkit tertentu merujuk kepada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika. Sila merujuk kepada kontrak untuk takrifan penyakit berjangkit tertentu.

2. Apakah prinsip-prinsip Syariah yang dikenakan?

- Antara pemegang kontrak dana takaful untuk bantuan kewangan bersama di bawah prinsip tabarru' (sumbangan sukarela).
 - Antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dan pemegang kontrak dalam menguruskan dana-dana takaful di bawah prinsip wakalah (perlantikan agen/wakil).

3. Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?

Anda telah memilih <Jenis pelan> yang memberi manfaat berikut:

Manfaat-manfaat	Jumlah yang dilindungi (RM)
Kematian/Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)	<Jumlah yang dilindungi>
Kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu	<Jumlah yang dilindungi>

Pelan ini diperbaharui secara tahunan, sehingga orang yang dilindungi berumur 79.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah sumbangan yang harus saya bayar?

Sumbangan <Kekerapan pembayaran> adalah RM <Amaun sumbangan>.

Sumbangan anda akan meningkat mengikut umur tercapai anda, pada ulangtahun kontrak seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kumpulan umur (umur yang dicapai pada ulangtahun kontrak)	Sumbangan <Kekerapan pembayaran> (RM)
Umur 18 - 29	<Amaun sumbangan>
Umur 30 - 39	<Amaun sumbangan>
Umur 40 - 49	<Amaun sumbangan>
Umur 50 - 54	<Amaun sumbangan>
Umur 55 - 59	<Amaun sumbangan>
Umur 60 - 64*	<Amaun sumbangan>
Umur 65 - 69*	<Amaun sumbangan>
Umur 70 - 74*	<Amaun sumbangan>
Umur 75 - 79*	<Amaun sumbangan>

***Untuk pembaharuan sahaja**

Sumbangan anda akan tetap sehingga ulangtahun kontrak apabila anda memasuki kumpulan umur yang seterusnya. Jadual sumbangan di atas boleh berubah, seperti yang dijelaskan di Soalan 6 di bawah 'Sumbangan yang tidak terjamin'.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang harus saya bayar?

Jenis Amanu

- Duti setem RM10.00. Amaun ini akan kami bayar bagi pihak anda.
 - Perkongsian 50% daripada lebihan yang diisyiharkan, ditentukan pada setiap tahun kewangan. kami dalam lebihan dana tabarru' peserta

- Yuran wakalah

Kumpulan umur (Umur yang dicapai pada ulangtahun kontrak)	Yuran wakalah (sebagai peratusan daripada sumbangan setahun)	
	Peratusan daripada sumbangan setahun yang dibayar (%)	Amaun sebenar (RM)
Umur 18 - 29	40%	<Amaun sebenar>
Umur 30 - 39	35%	<Amaun sebenar>
Umur 40 - 49	35%	<Amaun sebenar>
Umur 50 - 54	35%	<Amaun sebenar>
Umur 55 - 59	35%	<Amaun sebenar>
Umur 60 - 64*	35%	<Amaun sebenar>
Umur 65 - 69*	35%	<Amaun sebenar>
Umur 70 - 74*	35%	<Amaun sebenar>
Umur 75 - 79*	35%	<Amaun sebenar>

*Untuk pembaharuan sahaja

6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** - anda dikehendaki mendedahkan kesemua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur atau tarikh lahir anda dengan betul.
- **Tempoh semakan percuma** - anda boleh membatalkan kontrak takaful anda dalam masa 15 hari ia dihantar. Kami akan mengembalikan sumbangan penuh yang telah anda bayar.
- **Tempoh tenggang** - anda diberikan 30 hari tempoh tenggang selepas tarikh akhir untuk pembayaran sumbangan.
- **Had ke atas manfaat TPD** - manfaat TPD akan tamat pada ulangtahun bulanan kontrak selepas hari lahir orang yang dilindungi yang ke-65. Jumlah maksimum agregat manfaat TPD yang akan dibayar ke atas orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok dengan kami adalah terhad kepada RM2,000,000.
- **Sumbangan yang tidak terjamin** - sumbangan adalah tidak terjamin dan mungkin akan disemak semula dari semasa ke semasa. Sekurang-kurangnya 90 hari notis bertulis sebelum ulangtahun kontrak akan diberikan sebelum melaksanakan sumbangan yang telah disemak semula. Hasil daripada apa-apa pertukaran sumbangan, jumlah yuran wakalah akan berubah dengan sewajarnya.
- **Keadaan sedia ada** - bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom yang wujud 12 bulan sebelum tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian, yang mana:
 - i. Rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima;
 - ii. Seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - iii. Kewujudannya telah diketahui oleh anda dan/atau orang yang dilindungi, tanpa mengira sama ada rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun dicadangkan atau diterima.
- **Cukai** - semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh kontrak ini akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- **Penama** - anda dikehendaki mencalonkan seseorang penama dan memastikan penama anda menyedari dengan pelan takaful yang anda serta.
- **Tempoh menunggu** - kelayakan untuk manfaat kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?

Pengecualian-pengecualian atas manfaat kematian

Tiada manfaat akan dibayar jika kematian adalah disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian; atau
- bunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian.

Dalam kes ini, kontrak akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

Pengecualian-pengecualian atas manfaat kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu

Tiada manfaat akan dibayar jika kematian atau ketidakupayaan akibat penyakit berjangkit tertentu adalah disebabkan oleh:

- peristiwa yang dilindungi iaitu Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;

- apa-apa sebab lain selain daripada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika; atau
- sebarang keadaan sedia ada.
Dalam kes ini, kontrak akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dikembalikan tanpa faedah.

Pengecualian-pengecualian atas manfaat TPD

Tiada manfaat akan dibayar jika TPD adalah disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- AIDS, komplikasi yang berkaitan AIDS, penyakit HIV;
- perjalanan udara selain dari penerbangan komersial;
- melanggar undang-undang;
- sukan berbahaya;
- penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
- mencederakan diri sendiri atau bunuh diri; atau
- peperangan, serangan, mogok, rusuhan, kekacauan awam.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk maklumat lanjut mengenai pengecualian-pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan kontrak saya?

Anda boleh membatalkan kontrak takaful dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tarikh berkuatkuasa pembatalan adalah pada tarikh sumbangan patut dibayar yang akan datang dan tiada nilai tunai atau pro-rata sumbangan akan dibayar apabila kontrak diserahkan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika maklumat perhubungan saya berubah?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami akan sebarang perubahan ke atas butiran hubungan anda untuk memastikan sebarang urusan komunikasi akan disampaikan kepada anda dalam masa yang sepatutnya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga', yang terdapat di Sun Life Malaysia.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Sun Life Malaysia Takaful Berhad

Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Atau, anda boleh menghubungi talian **Khidmat Pelanggan Careline di 1300-88-5055**,
kemukakan pertanyaan secara online melalui sunlifemalaysia.com,
emel kepada kami di wecare@sunlifemalaysia.com,
atau faks kepada kami di **(603) 2698 7035**.

11. Jenis takaful keluarga yang serupa sedia ada.

Sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS KONTRAK YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI DOKUMEN KONTRAK TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam Dokumen Keterangan Produk ini adalah sah pada <Tarikh>. Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sesetengah manfaat yang dilindungi di bawah kontrak-kontrak/sijil-sijil takaful yang ditawarkan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah dilindungi oleh PIDM untuk kehilangan sebahagian atau keseluruhan manfaat-manfaat takaful tersebut, sekiranya berlaku kegagalan ahli pengendali takaful. Untuk maklumat lanjut berkenaan had perlindungan dan skop perlindungan, sila layari web PIDM (<https://www.pidm.gov.my>) atau hubungi talian bebas tol PIDM di 1-800-88-1266.